

# Mahathir jelas hubung dagang dengan Britain

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Malaysia tidak memutuskan hubungan perdagangan dengan Britain atau memulaukan semua barang-barang keluaran negeri itu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, apa yang disebutnya sebelum ini ialah Kerajaan tidak akan membeli barang-barang British di mana yang boleh dielakkan.

"Di mana yang tidak boleh dielakkan, kita masih membelinya," tegas beliau dalam satu temuramah khas sempena hari ke-100 beliau memegang jawatan Perdana Menteri.

Katanya, Malaysia tetap mengalu-alukan pelaburan modal British di sini.

"Syarikat-syarikat British yang menanam modal di sini dan menghasilkan barang-barang di sini tidak tertakluk kepada peraturan bahawa mereka tidak boleh membekalkan barang-barang kepada Kerajaan," tambah beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, kepentingan British tidaklah begitu besar di negara ini sekarang kerana sejak tahun-tahun kebelakangan ini, pelaburan British amat kecil dibanding dengan Amerika, Jepun atau Singapura.

Menurut beliau, imbalan perdagangan Britain-Malaysia sekarang

menguntungkan negara itu.

"Lebih baik kita beli kurang dari mereka untuk menentukan imbalan itu menguntungkan kita. Kita tidak lagi mendapat layanan istimewa kerana Britain sudah menjadi anggota EEC," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, peraturan baru Kerajaan itu tidak mengutamakan Britain akan diteruskan sebab Britain tidak bertolak ansur.

"Keputusan ini akan tetap dijalankan kecuali kalau mereka membuat sesuatu yang melunakannya," tegas beliau.

Menurut beliau, langkakah Malaysia membeli saham Guthrie di London bukanlah satu

pemiliknegeraan.

"Kita tidak memaksa mereka. Saham berharga 600 pence kita bayar 900 pence. Semuanya senang hati, dan yang menentang cuma ialah badan pengurusnya kerana mereka takut hilang pendapatan lumayan bila syarikatnya diambilalih," tambah beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, selepas menguasai syarikat Guthrie, yang baik dan berguna akan diteruskan perkhidmatannya.

"Tetapi yang membuat usaha-usaha tidak baik bagi syarikat dan bagi kita, tentulah tidak boleh diteruskan perkhidmatannya," tegas beliau.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia